

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Februari/Mac 2005

JMG 314 - Geomorfologi

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan daripada 6 soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Jika perlu, sertakan juga ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. “Sebahagian besar daripada bentuk muka bumi yang terbentuk di dunia ini adalah disebabkan oleh proses geomorfik yang berlaku pada kadar yang berbeza”. Bincangkan.
(25 markah)
2. (a) Bincangkan tentang jenis-jenis kegagalan cerun.
(10 markah)
(b) Sejauh manakah faktor hujan boleh menyebabkan kegagalan cerun berlaku di kawasan beriklim Tropika Lembab?
(15 markah)
3. Bincangkan bagaimana proses perlipatan boleh memberi kesan ke atas pembentukan bentuk muka bumi di sesuatu kawasan.
(25 markah)
4. “Hakisan sungai melalui tindakan hidraul memainkan peranan yang penting sekali untuk menghakis tebing sebatang sungai”. Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?
(25 markah)
5. Jelaskan bagaimana analisis struktur dan ciri batuan boleh membantu ahli-ahli geomorfologi memahami bentuk muka bumi masa lampau.
(25 markah)
6. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang tertentu, bincangkan pengaruh luluhawa dalam mengukir bentuk muka bumi di kawasan beriklim Gersang (panas dan kering).
(25 markah)